

# MAJLIS QIYAM RAMADHAN BAKAT ATM ANJURAN BAKAT UDARA

[airforce.mil.my/arkib/arkib/27-bakat/bakat-tudm/817-majlis-qiyam-ramadhan-bakat-atm-anjuran-bakat-udara](http://airforce.mil.my/arkib/arkib/27-bakat/bakat-tudm/817-majlis-qiyam-ramadhan-bakat-atm-anjuran-bakat-udara)

KUALA LUMPUR, 11 Jun 16 - Sempena Bulan Ramadhan yang mulia ini, BAKAT Udara telah menganjurkan Majlis Qiyam Ramadhan peringkat BAKAT ATM bertempat di Masjid Abdullah bin Zubair, Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang dimestikan pada setiap tahun setiap kali menjelang Bulan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom bt Hj Wan Awang dan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, Puan Sri Dato' Khairani bt Mohd Zain selaku penganjur majlis serta Pengerusi-pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Perkhidmatan yang lain.

Majlis ini telah dimulakan dengan Solat Sunat Taubat dan Solat Sunat Tasbih yang dipimpin oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Ceramah yang bertajuk Pengorbanan Isteri Untuk Ke Syurga Dan Sedekah Wanita telah disampaikan oleh Penceramah Agama iaitu Ketua Pengarah Kagat, Mej Jen Dato' Hj Kamaruddin bin Mamat. Penyampaian ceramah yang mencuitkan hati beserta dengan pengisian pengetahuan yang bermanfaat telah berjaya mencapai objektif Qiyam Ramadhan pada kali ini.







